



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 20 FEBRUARI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	UBUR – UBUR BERBISA KEMBALI SERANG PESISIR PANTAI PANTAI BACHOK, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	FAMA BELANJA RM150K BANTU ATASI KEJATUHAN HARGA TEMBIKAI, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	PENGELUARAN SERENTAK PUNCA HARGA TEMBIKAI JATUH, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 19	
4.	PERNAH HANYA 40 SEN SEKILO, LAMBAKAN TEMBIKAI PUNCA HARGA JATUH, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 17	
5.	PERKUKUH AMALAN SIMPANAN BERDISPLIN, BISNES, HARIAN METRO, M/S – 19	AGROBANK
6.	MALL SHUTS PETTING ZOO AFTER OUTCRY OVER 'ALPACA WELFARE', NEWS, NEW STRAITS TIMES, M/S – 7	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Ubur-ubur berbisa kembali serang pesisir pantai Bachok

Pengunjung diminta tak sentuh Portuguese Man O'War, racun boleh ganggu pernafasan

Oleh Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Bachok: Jabatan Perikanan Negeri Kelantan mengesan kehadiran kelompok ubur-ubur berbisa, Portuguese Man O'War atau Physalia Physalis yang menyerang pesisir pantai di sekitar Bachok sejak Ahad lalu.

Ketua Daerah Perikanan Bachok, Ahmad Rashid Affendi Ahmad Razali, berkata pihaknya menyarankan pengunjung pantai berhati-hati dengan kehadiran spesies ubur-ubur berwarna biru itu yang didapati banyak terdampar di sepanjang pantai Bachok antaranya di Pantai Irama, Pantai Melawi, Pantai Kandis dan sekitar pesisir pantai dalam daerah ini.

Katanya, pengunjung diminta berwaspada dengan spesies ubur-ubur api ini sekiranya terjumpa ketika melakukan aktiviti di pantai.

"Menyerupai kapal perang Portugis abad ke 18 di bawah layar penuh, Man O'War ini dikenali

dengan apungan yang seperti belon.

"Mungkin berwarna biru, ungu atau merah jambu mempunyai sesungut dan menjulang sehingga enam inci di atas garis air," katanya ketika dihubungi di sini.

Beliau berkata, sesungut haiwan akuatik ini mengandungi *neematocyst* yang menyengat, kapsul mikroskopik yang dimuatkan dengan tiub berduri bergelung beracun yang mampu melumpuhkan dan membunuh ikan kecil dan udang-udangan.

"Sengatan Portuguese Man O'War ini biasanya menyebab-

kan kesakitan yang teruk kepada manusia dan meninggalkan kesan merah pada kulit.

"Racun haiwan laut ini boleh menyebabkan simptom seperti alahan, termasuk bengkak pada saluran pernafasan, gangguan jantung dan ketidakupayaan bernafas," katanya.

Boleh sebabkan kematian

Tambah beliau, gejala lain termasuk demam dan dalam beberapa kes yang serius, kematian boleh berlaku (jarang berlaku).

Oleh itu, orang awam disarankan tidak menyentuh ubur-ubur biru yang terdampar di pantai

dan buat pemeriksaan jika tersentuh atau mempunyai gejala.


Tinjauan ke beberapa pantai di sekitar Bachok mendapati terdapat banyak tompokan ubur-ubur berbisa ini di pesisir pantai, dengan bentuknya yang kecil dan seperti 'plastik biru', memberikan risiko kepada pengunjung pantai, terutama kanak-kanak yang mungkin tidak mengetahui bahaya ubur-ubur ini.

Pengunjung, Mohamad Azam Ali, 39, berkata kehadiran ubur-ubur itu turut merisaukan orang ramai yang kebanyakannya membawa anak kecil beriadah ke pantai.

Katanya, ibu bapa perlu lebih berwaspada supaya anak mereka tidak menyentuh haiwan berkenaan bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini berlaku.

Pengunjung, Puteri Nur Fasha Abdullah, 18, pula berkata, masih ramai bertandang ke lokasi berkenaan tidak mengenali dan mengetahui bahaya ubur-ubur berbisa itu.

"Saya harap ada papan tanda atau amaran berkenaan kehadiran haiwan itu diletakkan di lokasi pantai bagi memberi peringatan kepada pengunjung," katanya.



Pengunjung pantai menunjukkan ubur-ubur berbisa yang terdampar di sekitar pesisir pantai Bachok.

(Foto Nik Abdullah Nik Omar/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	17

FAMA belanja RM150k bantu atasi kejatuhan harga tembikai

Marang: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membelanjakan sebanyak RM150,000 membantu menyelesaikan masalah kejatuhan harga dan lambakan tembikai dihadapi petani.

Pengarah FAMA Terengganu, Muhamad Fadlee Hassan berkata, sebanyak 150,000 tan metrik tembikai berwarna merah tanpa biji gred AA dan A sudah dibeli daripada pengusaha,

terutama peserta ladang kontrak di daerah Marang.

"Kita menawarkan harga pembelian tembikai merah tanpa biji daripada petani pada harga lantai iaitu RMo.85 sen sekilogram (kg).

"FAMA turut menambah harga belian sebanyak RMo.20 setiap sekilogram jika pengusaha tanaman berkenaan adalah peserta Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik (MyGAP)," katanya, semalam.

Muhamad Fadlee berkata, setakat ini semua pengusaha tanaman tembikai terutama membabitkan peserta ladang kontrak FAMA memiliki sijil MyGAP dikeluarkan Jabatan Pertanian.

Terdahulu, Pengurus Pusat Operasi FAMA Chendering, Zulfadhli Ismail dan Pembantu Ehwal Ekonomi FAMA, Muhamad Taufid Zakaria menyantuni petani tanaman tembikai di Taman Kekal Pengelua-

ran Makanan (TKPM) di Serating, Marang.

Mengulas lanjut, Muhamad Fadlee berkata, tembikai yang dibeli daripada petani terutama membabitkan peserta ladang kontrak dihantar ke 40 Pusat Operasi FAMA di seluruh negara, untuk dipasarkan oleh usahawan tani.

Ketika mengulas dakwaan berlakunya kejatuhan harga tembikai, Muhamad Fadlee berkata, berdasar-

kan laporan hasil pantauan mendapati terdapat pemborong yang terpaksa melelong tembikai berikutan bekalan berlebihan.

Katanya, pemantauan mendapati tembikai yang dilelong adalah gred B, C dan D.

"Tembikai yang dilelong pada harga rendah oleh pemborong bukan daripada pengusaha di Terengganu, sebaliknya datang dari luar negeri ini," katanya.

Muhamad Fadlee menegaskan, setakat ini FAMA menetapkan harga lantai RMo.85 sen dan tambahan RMo.20 sekilogram peserta yang memiliki sijil MyGAP.

"Penetapan harga lantai dilakukan FAMA bagi membantu kestabilan harga sehingga menyebabkan pengusaha menanggung kerugian selain mengelak daripada berlaku lambakan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Pengeluaran serentak punca harga tembikai jatuh

Kuantan: Pengeluaran buah tembikai secara serentak di Pantai Timur kini bakal mengundang kerugian kerana akan menyebabkan kejatuhan harga di luar jangkakan.

Ramadan turut menjadi faktor permintaan dan pasaran hasil pertanian itu pelahan dan episod sama pernah berlaku tahun lalu sehingga memaksa pekebun menjual dengan serendah 40 sen sekilogram (kg).

Pekebun, Husaini Abdullah, 49, berkata tidak mustahil pengeluaran tembikai secara serentak di Pantai Timur sekali lagi berlaku tahun ini hingga mengundang lambakan buah, seterusnya kejatuhan harga yang serius.

Katanya, tahun lalu kemasukan tembikai dari Terengganu dan Kelantan serentak menyebabkan pekebun di Kampung Ubai, di sini, berhadapan masalah pasaran yang agak pelahan, seterusnya mengundang kejatuhan harga.

"Pengeluaran tembikai jenis boci di Kampung Ubai sudah bermula, namun jumlahnya tidak terlalu banyak, hanya beberapa pekebun menuai hasil dan menjualnya di tepi Jalan Kuantan-Pekan dekat Kampung Ubai. Harga antara RM2 hingga RM2.50 sekilogram.

"Dalam masa dua hingga tiga minggu lagi dijangka pengeluaran bertambah dua hingga empat kali ganda.

"Pada masa sama kemasukan tembikai dari Terengganu dan Kelantan juga bertambah. Buah yang banyak menyebabkan harga jatuh," katanya, dihubungi semalam.

Katanya, di Kampung Ubai terdapat lebih 15 penduduk mengusahakan tanaman tembikai dengan sokongan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Projek berkenaan diusahakan secara serentak disebabkan fak-



Peniaga tembikai sekitar Kuantan bimbang lambakan buah menyebabkan harga terus merudum.
(Foto Mohd Rafi Mamat/BH)

tor permintaan dan cuaca.

Husaini yang mengusahakan tanaman tembikai lebih tiga hektar, berkata jika harga tembikai jatuh seperti tahun lalu pilihan terakhir ialah dengan menjual kepada FAMA pada harga lantai yang ditawarkan.

Pekebun, Abdul Rahmani Khadri, 34, yang mengusahakan kebun tembikai seluas 4.5 hektar berharap harga tidak jatuh terlalu rendah hingga menyebabkan kerugian.

"Harga semasa tembikai kini masih stabil walaupun berlaku

kemasukan buah luar yang semakin bertambah," katanya.

Di Marang, FAMA membelanjakan RM150,000 membantu menyelesaikan masalah kejatuhan harga dan lambakan tembikai.

Pengarah FAMA Terengganu, Muhamad Fadlee Hassan, berkata 150,000 tan tembikai merah tanpa biji gred AA dan A sudah dibeli daripada pengusaha, terutama peserta ladang kontrak di daerah Marang.

"Kita menawarkan harga tembikai merah tanpa biji daripada petani pada harga lantai iaitu RM0.85 sen sekilogram (kg).

"FAMA turut menambah harga belian RM0.20 setiap sekilogram jika pengusaha adalah peserta Skim Persijilan Amalan Pertanian Baik (MyGAP).

"Penetapan harga lantai dilakukan FAMA bagi membantu kestabilan harga sehingga menyebabkan pengusaha menanggung kerugian selain mengelak lambakan," katanya, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2026	HARIAN METRO	LOKAL	17

LAMBAKAN TEMBIKAI PUNCA HARGA JATUH

Pernah hanya 40 sen sekilo

Oleh Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

Kuantan

Pengeluaran tembikai yang berlaku secara serentak di pantai timur kini bakal mengundang kerugian kepada pekebun kerana kejatuhan harga di luar jangkaan.

Kedatangan Ramadan turut menjadi faktor permintaan dan pasaran hasil pertanian itu perlahan di mana pernah berlaku tahun lalu hingga memaksa pekebun menjual dengan harga serendah 40 sen sekilogram (kg).

Pekebun Husaini Abdulah, 49, berkata, tidak mustahil pengeluaran tembikai secara serentak di pantai timur sekali lagi berlaku tahun ini hingga mengundang berlakunya kejadian lambakan buah seterusnya kejatuhan harga yang serius.

Menurutnya, tahun lalu kemusuk tembikai dari Terengganu dan Kelantan secara serentak menyebabkan pekebun di Kampung Ubai, di sini, berhadapan dengan masalah pasaran yang agak perlahan seterusnya mengundang kejatuhan harga.

"Pengeluaran tembikai jenis boci di Kampung Ubai kini mula berlaku, namun jumlahnya tidak terlalu banyak dan hanya beberapa pekebun saja menuai hasil dan menjualnya di tepi Jalan Kuantan-Pekan dekat Kampung Ubai. Harga ditawarkan antara RM2 hingga RM2.50 sekilogram.

"Dalam masa dua hingga tiga minggu lagi dijangka pengeluaran akan bertam-

"Tidak mustahil pengeluaran tembikai secara serentak hingga mengundang berlakunya kejadian lambakan buah seterusnya kejatuhan harga yang serius"

Husaini

bah dua hingga empat kali ganda, pada masa sama memasuki tembikai dari Terengganu dan Kelantan juga bertambah. Buah yang banyak menyebabkan harga jatuh," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Husaini berkata, di Kampung Ubai terdapat lebih 15 penduduk setempat mengusahakan tanaman tembikai dengan sokongan agensi kerajaan seperti Jabatan Pertanian dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Projek berkenaan diusahakan secara serentak disebabkan faktor permintaan dan cuaca.

Husaini yang mengusahakan tanaman tembikai lebih tiga hektar berkata, sekiranya harga tembikai jatuh seperti berlaku tahun lalu, pilihan terakhir ialah dengan menjual kepada FAMA pada harga lantai yang ditawarkan. Pekebun tidak ada pilihan lain bagi mengelak menanggung kerugian.

Bagi Abdul Rahmani Khadri, 34, yang mengusahakan ladang tembikai seluas 4.5 hektar, diharapkan harga tembikai tidak jatuh terlalu rendah hingga

"Hasil pusingan pertama kebun saya keluar pada akhir bulan ini dan dijangka berterusan hingga bulan depan. Harga semasa tembikai kini masih stabil"

Abdul Rahmani

menyebabkan kerugian berlaku.

"Hasil pusingan pertama kebun saya keluar pada akhir bulan ini dan dijangka berterusan hingga bulan depan. Harga semasa tembikai kini masih stabil walaupun berlaku masuknya buah luar yang semakin bertambah.

"Harga semasa antara cabaran yang terpaksa dihadapi pekebun tembikai, ada ketika untung dan ada masanya rugi disebabkan faktor harga termasuk cuaca," katanya.

Sementara itu, Pengarah FAMA Pahang, Rashiha Mamat berkata, pihaknya sedia membeli tembikai pada harga lantai sekiranya berlaku lambakan di peringkat kebun. Usaha membantu pekebun sentiasa dilakukan terutama membabitkan peserta ladang kontrak.

"Kebanyakan pekebun tembikai di Kampung Ubai adalah peserta ladang kontrak, FAMA akan beli buah mereka sekiranya mereka bersetuju dengan harga yang ditawarkan. Kita tidak memaksa untuk menjual kepada FAMA, pilihan pada mereka," katanya.



PEKEBUN bimbang harga tembikai jatuh berikutan pengeluaran buah serentak di pantai timur.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2026	HARIAN METRO	BISNES	19

Oleh Sri Ayu Kartika Amri
kartika@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Agrobank, baru-baru ini, melancarkan dua kempen deposit peringkat kebangsaan bersempena sambutan Tahun Baharu Cina di Sabah, sebagai usaha memperkukuh amalan simpanan berdisiplin dalam kalangan masyarakat termasuk kanak-kanak dan golongan muda.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah berkata, pengumuman kempen berkenaan mencerminkan komitmen Agrobank dalam menyokong agenda literasi kewangan nasional.

"Kempen Generasi Muda menyokong objektif Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan 2026-2030 (NS2.0) dengan menggalakkan tabiat menabung secara konsisten daripada usia muda.

"Manakala kempen Heng Heng Lai memupuk disiplin simpanan dalam kalangan pelanggan dewasa dan inisiatif ini menyumbang kepada pembinaan isi rumah yang lebih berdaya tahan sejajar aspirasi Ekonomi MADANI," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, dua kempen yang diperkenalkan itu ialah Mega Million 3.0: Heng Heng Lai dan Kempen Generasi Muda yang menyasarkan pelanggan dewasa serta segmen kanak-kanak dan remaja, se-



CHAN (tengah) bersama Tengku Ahmad Badli Shah (kanan) melancarkan Kempen Generasi Muda pada majlis sambutan Tahun Baharu Cina Agrobank di Kota Kinabalu.

Perkukuh amalan simpanan berdisiplin

Agrobank lancar kempen Mega Million 3.0: Heng Heng Lai dan Kempen Generasi Muda galak budaya menabung

lari dengan agenda literasi kewangan negara.

Kempen Heng Heng Lai berlangsung dari 15 Februari hingga 15 Mac 2026

membabitkan produk AgroPrimaS dengan syarat peletakan minimum RM50,000 dalam satu sijil. Pelanggan layak menyer-

tai cabutan bertuah dengan ganjaran utama lapan pemenang kepingan emas Agrobank seberat 10 gram. Sementara itu, Kempen

Generasi Muda yang berlangsung selama setahun bermula 15 Februari 2026 hingga 15 Februari 2027 membabitkan produk Ag-

"Kempen Generasi Muda menyokong objektif Strategi Kebangsaan Literasi Kewangan 2026-2030 (NS2.0) dengan menggalakkan tabiat menabung secara konsisten daripada usia muda"

Tengku Ahmad Badli Shah

roMuda-i PLUS, khusus untuk kanak-kanak berumur satu hari hingga bawah 18 tahun.

Kempen ini menawarkan ganjaran bulanan termasuk kotak misteri kepada 80 pemenang serta cabutan akhir dengan hadiah sehingga RM25,500, tertakluk kepada peningkatan baki purata bulanan (MAB) sebanyak RM100.

Dalam pada itu, Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin berkata, inisiatif berkenaan berpotensi memberi impak positif kepada masyarakat di Sabah, khususnya dalam memperkukuh kestabilan kewangan keluarga.

"Galakan menabung secara konsisten, terutamanya dalam kalangan generasi muda di Sabah adalah langkah penting ke arah memperkukuh daya tahan kewangan komuniti serta meningkatkan penyertaan dalam sistem kewangan formal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20/2/2026	NEW STRAITS TIMES	NEWS	7



An alpaca at the Ampang Point Shopping Centre-hosted petting zoo that triggered widespread concern on social media. PIC FROM AMPANG POINT SHOPPING CENTRE FACEBOOK

'DVS INSPECTED SITE'

Mall shuts petting zoo after outcry over 'alpaca welfare'

KUALA LUMPUR: A petting zoo in a mall has been closed following social media backlash over the treatment of its animals, particularly an alpaca seen confined in a cramped enclosure.

In a statement on the incident, Ampang Point Shopping Centre said it acknowledged the feedback by the public and took animal welfare seriously.

While noting that the event was operated by a licensed third-party organiser, the mall said it respected the strong sentiments expressed by the community.

On-site inspections were conducted by the Department of Veterinary Services last month and again this month, and the organiser was found to be compliant with existing regulations, it added.

"The animals are managed by trained and experienced handlers appointed by the organiser, and they are fed and rested according to scheduled care requirements.

"For clarity, the alpaca is only present during weekend sessions and is not kept at the mall on a continuous basis.

"As for the venue, we require organisers involving animals to meet relevant regulatory and welfare standards before approval is granted.

"We acknowledge the concerns raised and have taken note of the feedback received. In light of this, the petting zoo event concluded effective today (yesterday)," it said.

The mall said it would review its assessment procedures for similar events in the future.

"We appreciate the feedback shared and remain committed to managing events at Ampang Point responsibly."

Previously, a concerned netizen posted on social media about an alpaca allegedly confined in a small pen at the petting zoo, triggering widespread concern on social media.